

# Azalina Ketua Penaja Puteri Umno

KUALA LUMPUR: Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam melantik Azalina Othman Said, 37, sebagai Ketua Penaja Puteri Umno, sekaligus menamatkan teka-teki mengenai siapa yang akan mengetuai badan pelapis parti.

Pengumuman mengenai pelantikan itu dibuat oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat MT lebih tigajam di ibu pejabat parti itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang semalam.

Azalina yang juga ahli MT dan seorang peguam ketika dihubungi

malam semalam berterima kasih kepada pucuk pimpinan kerana memberi kepercayaan kepadanya untuk mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

"Saya akan memanggil mesyuarat jawatankuasa penaja Puteri tidak lama lagi dengan semua wakil (Puteri) daripada negeri-negeri. Kemudian kami akan mengadakan kunjungan hormat terhadap Presiden parti dan Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rahdah Aziz.

"Kita mahu mendapatkan nasihat dan pandangan daripada pe-

mimpin parti ini. Kemudian, pemimpin penaja yang akan dibentuk nanti akan turun ke padang untuk menemui mereka di peringkat akar umbi bagi memberi penjelasan mengenai agenda Puteri. Selepas ini saya berharap kami dapat menubuhkan Puteri Barisan Nasional (BN) ke arah perpaduan nasional," katanya.

Beliau berkata, kepemimpinan Puteri Umno diharap akan menampilkan serta menyerlahkan ramai pemimpin wanita Melayu muda dengan menjadikan Wanita Umno sebagai panduan untuk memberi tun-

juk ajar.

"Saya akan berusaha melengkapkan diri dengan bantuan Wanita dan Pemuda Umno sebagai panduan. Akhirnya, Wanita Umno akan sentiasa menjadi panduan kepada Puteri," katanya.

Ditanya sama ada ahli Wanita Umno yang ada boleh menyertai Puteri, beliau berkata ia terpulang kepada diri mereka masing-masing dan bebas berbuat demikian dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi.

**LIHAT MUKA 2**

## 20 anggota jawatankuasa penaja

**DARI MUKA 1**

Beliau sendiri ahli Wanita Umno dan menjadi hak sesiapa saja sama ada untuk kekal dalam Wanita atau menyertai Puteri.

Bagaimanapun, beliau enggan menyatakan jumlah sasaran ahli Puteri Umno buat masa sekarang kerana yang penting untuk duduk berbincang dengan ahli jawatankuasa penaja lain terlebih dahulu.

Mesyuarat MT sebelum ini memutuskan Ketua Puteri Umno hendaklah berusia 40 tahun ke bawah, manakala ahlinya pula hendaklah berumur kurang daripada 35 tahun.

Umno juga memutuskan jawatankuasa penajanya akan dianggotai 20 ahli dengan tujuh daripadanya dilantik oleh MT dan 13 lagi dipilih melalui badan Perhubungan Umno negeri.

Difahamkan, beberapa negeri termasuk Selangor, Melaka, Pulau Pinang serta Terengganu sudah mengemukakan beberapa nama yang layak untuk menganggotai Jawatankuasa Penaja Puteri.

Azalina dilantik menjadi ahli MT pada Jun tahun lalu dan kemudian mengetuai Biro Tindakan Sivil Umno. Sebelum ini, Azalina sendiri yang membuat cadangan supaya ditubuhkan Puteri dalam usaha menarik keahhan di kalangan wanita muda ke dalam parti itu.